

16/04/2000

Saham amanah untuk bayi akan dilancar

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR: Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan melancarkan skim saham amanah baru yang terbuka kepada bayi berumur enam bulan ke atas, termasuk bukan Bumiputera.

Produk terbaru itu yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 20 April ini, bertujuan memberi peluang kepada ibu bapa melabur untuk simpanan pendidikan anak mereka.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman, berkata setiap unit saham baru itu akan dijual pada harga RM1 seunit dengan jumlah pelaburan minimum 100 unit dan maksimum 50,000 unit.

Katanya, harga saham unit kekal pada RM1 dan tidak berubah mengikut pasaran modal.

"Dengan pelaburan ini, ia dapat meringankan beban ibu bapa untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka pada masa depan," katanya selepas majlis penyampaian hadiah pemenang pertandingan Mencari Harta Karun 'Kenali PNB' sempena Minggu Saham Amanah Malaysia, di sini, semalam.

Sebanyak 43 kumpulan yang terdiri daripada pelabur pelbagai skim PNB, menyertai pertandingan mencari harta karun yang diadakan di sekitar Lembah Klang.

Hamad Kama Piah berkata, "PNB memperkenalkan saham amanah itu berikutan pasaran saham negara pada tahap sederhana. Sehubungan itu, inilah masa terbaik untuk membuat pelaburan jangka panjang," katanya.

Mengenai pulangan dari skim itu, beliau berkata, sebagai pengurus dana saham amanah terbesar di negara, PNB yakin skim itu akan memberi pulangan yang baik.

Produk itu adalah yang keenam diperkenalkan sejak 1985. Lima lagi skim saham amanah yang diuruskan PNB ialah Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Hartanah PNB, Amanah Saham Bumiputra (ASB), Amanah Saham Wawasan (ASW) dan Amanah Saham Nasional Dua (ASN2).

Beliau berkata, dengan pengenalan produk baru itu, PNB kini menyediakan peluang pelaburan saham amanah untuk semua peringkat umur. Sebelum ini, skim ASB dan ASW disasarkan kepada pelabur berusia 12 tahun ke atas sementara ASN dihadkan kepada pelabur 18 tahun ke atas.

Sementara itu, beliau berkata, program Kenali PNB akan diadakan sempena Minggu Saham Malaysia, mulai 20 April ini bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Program Minggu Saham Malaysia itu bertujuan mendekatkan masyarakat sektor sekuriti dan saham amanah termasuk kegiatan PNB.

PNB mempunyai kepentingan ekuiti dalam lebih 200 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang terbabit dalam pelbagai sektor ekonomi.

Sejak diwujudkan pada 1985, PNB berjaya menarik kira-kira tujuh juta pelabur dan mengurus dana sebanyak kira-kira RM30 bilion.

(END)